

Liga Bola Sepak Carino Sefa

Bandaraya KK 2011:

UMS tewaskan Likas United 3-1

UB 25/10/2011 A20

KOTAKINABALU: Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) FC memulakan cabaran dengan kemenangan 3-2 ke atas Likas United FC pada perlawanan pembukaan Kejohanan Liga Bola Sepak Carino Sefa Bandaraya Kota Kinabalu 2011 di Stadium Likas dua hari lalu.

Gol-gol UMS dijaringkan Rainol Masaat, Jerry Suning dan Muslyadi Amdas manakala gol Likas United disumbangkan Jufrey Omopor.

Sepak mula perlawanan yang disaksikan kira-kira 300 penonton tersebut tertangguh kira-kira 20 minit kerana masalah lampu limpah tetapi ianya tidak mengganggu rentak pantas kedua-dua pasukan.

Kebuntuan jaringan bagaimanapun hanya

berakhir pada minit ke-32 menerusi jaringan Rainol untuk meletakkan UMS 1-0 di hadapan.

Likas United menggandakan usaha dengan melakukan beberapa serangan selepas itu tetapi sedikit kesilapan pantas dimanfaatkan UMS untuk menambah jaringan menerusi Jerry pada minit terakhir sekaligus mendahului 2-0 pada separuh masa pertama.

Selepas rehat Likas United melancarkan beberapa gerakan bahaya tetapi gagal mencari gawang UMS yang dibarisi ramai bekas pemain Sabah termasuk penjaga gol, Irwan Jamil.

UMS sekali lagi bijak memanfaatkan peluang dan kali ini menerusi jaringan pemain gantian, Muslyadi pada

minit ke-75 untuk meletakkan UMS selesa di hadapan dengan 3-0.

Likas United akhirnya mendapat jaringan menerusi Jufrey pada minit ke-80 tetapi ia sudah terlambat untuk membenarkan UMS mengutip tiga mata penuh.

Sambil itu, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir dalam ucapan perasmianya mengalu-alukan keaktifan Sefa Bandaraya menganjurkan kejohanan berprestij tersebut.

Beliau yang juga penaung kejohanan berkata, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) akan terus menyokong usaha Sefa Bandaraya KK mempromosikan pembangunan sukan di



SELAMAT BERTANDING ... Joannes sedang diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian semasa perasmian Kejohanan Liga Bola Sepak Carino Sefa Bandaraya di Stadium Likas dua hari lalu.

bandaraya ini.

Teks ucapannya disampaikan Ketua Pengarah (Operasi) DBKK, Joannes Solidau.

Turut hadir pada majlis

perasmian itu adalah Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Sabah yang juga Pengerusi Sefa Bandaraya KK, Alijus Sipil dan pengerusi pertandingan, Robert Lipon.